

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 JANUARI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 12

### Persiapkan mental, spiritual hadapi jangkaan inflasi 2023

# Persiapkan mental, spiritual hadapi jangkaan inflasi 2023

- Dalam mendepani permasalahan ini, al-Quran membimbing manusia dalam dua fasa iaitu pertama, fasa sebelum krisis dengan membentuk kesedaran untuk berbelanja dengan berhemah dan berpadapada
- Krisis ekonomi adalah satu kitaran pasti wujud pada setiap zaman, abad dan dekad sebelum ini lagi. Walau dahsyat mana pun sesuatu krisis ia pasti berakhir dan pulih seperti sedia kala

Oleh Dr Mohd Shahid Mohd Noh  
[bhrenanca@bh.com.my](mailto:bhrenanca@bh.com.my)



Ketua Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademik Pengajian Islam, Universiti Islam (UM)

Banyak pihak meramalkan tahun ini dunia akan mengalami kemelesetan dan inflasi, kesan serta impak pemulih ekonomi dunia selepas serangan ganas COVID-19.

Hal ini dinyatakan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus, bahawa Malaysia memasuki masa mencabar pada 2023 dengan memperkalkan gangguan pada rantaian pembekalan, ketidaktentuan konflik geopolitik dan pasaran.

Beliau juga menambah inflasi dijangka lebih tinggi menjadi risiko utama mengacu pertumbuhan ekonomi, terutama kepada kuasa beli isi rumah dan aktiviti pelabur lain. Bagaimanapun, negara kita tidak dihimpit dengan risiko kemelesetan sebagaimana dihadapi negara lain.

Laporan prospek ekonomi global terkinj melaaskan tiga perkara menjadi halangan utama kepada pemulih dan pertumbuhan ekonomi khusus kepada negara membangun antara lainnya ialah kadar hutang tinggi, terutama ketika kerajaan memberi pelabur raya rangsang bagi meringankan beban rakyat ketika pandemik.

Kedua, ialah pasaran komoditi tidak menentu menjadikan negara bergantung denganannya berada dalam kitaran *boom and bust* (berkembang dan meleset), semetara ketiga ialah kesamaan semakin melebar terutama membabitkan akses kepada vaksin, pendidikan dan penjagaan kesihatan serta peluang pekerjaan, termasuk gaji semakin meningkat.

Perkara ini dilihat sebagai cabaran mendatang pada 2023 mungkin sedikit sebanyak menimbulkan kesan negatif atau positif kepada penduduk di negara ini.

Beberapa inisiatif kerajaan dilihat positif dalam membantu rakyat dan negara menangani inflasi iaitu penurunan kadar tol di Lebuhraya Sungai Besi (Bersraya) dan Lebuhraya Kajang-Serem-

ban (LEKAS).

Selain itu, pengekalan tarif elektrik kepada pengguna domestik dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bakal membantu mengurangkan beban rakyat menghadapi inflasi.

Jika dirujuk belanjawan lalu, kerajaan memperuntukkan RM305 juta bagi membantu usahawan belia, khususnya di bawah program penyediaan pekerjaan kepada golongan bersasar.

Penurunan kadar cukai 2 peratus kepada mereka berpendapatan bawah cukai sebanyak RM100,000 boleh dilahat sebagai usaha membantu meringankan beban rakyat, selain meningkat kuaras beli mereka.

Dalam mendepani permasalahan ini, al-Quran membimbing manusia dalam dua fasa iaitu pertama, fasa sebelum krisis dengan membentuk kesedaran untuk berbelanja dengan berhemah dan berpadapada.

Panduan ini boleh dilihat pada surah al-Furqan, ayat 67 bermaklud: "Dan juga mereka (yang direddul Allah itu ialah) apabila membelanja harta mereka, tidak melampaui batas dan bakhil kedekut, dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu".

Allah SWT mengajar manusia untuk mensyukuri nikmat-Nya dengan berhemah menggunakan pendapat serta menyuruh lebarni dan jumlah perlu kepada mereka yang berhak serta memerlukan.

#### Kesederhanaan dan perkongsian

Dapat difahami setiap kurniahan Allah SWT itu sama ada berbentuk nikmat harta, wang dan sebagainya perlu diluruskan dengan penuh kesederhanaan serta memastikan harta itu tidak hanya dinikmati satu golongan, sebaliknya dikongsi bersama menerusi pengeluaran zakat dan sedekah.

Justeru, dua kata kunci utama kepada pengurusan nikmat perlu dipelihara ialah kesederhanaan dan perkongsian. Secara kontohnya boleh disimpulkan berlebih-lebihan, membazir, penggunaan secara melampaui serta tidak berkongsi nikmat seperti kedekut atau bakhil hanya menjadikan harta semakin sedikit.

Fasa kedua pula Allah SWT menyampaikan panduan bagaimana tindak balas perlu dilakukan manusia ketika berada dalam sesuatu

konflik. Ia boleh dilihat pada ayat 47 dan 48 surah Yusuf bermaklud: "Yusuf menjawab: Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu tuai biarkan dia pada tangkainya; kecuali sedikit kamu jadikan untuk dimakan. Kemudian datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau besar, akan menghabiskan makanan kamu sediakan baginya; kecuali sedikit daripada kamu simpan (untuk dijadikan benih)".

Kedua-dua ayat ini memandu Nabi Yusuf merancang menghadapi krisis melanda dengan mengoptimalkan sumber sedia ada dan perlu dikawal mengikut keperluan dan etika penggunaan sesuai.

#### Bijak urus keperluan, kehendak

Dalam konteks individu hari ini, zaman inflasi adalah pusingan yang pasti berlaku dalam kitaran ekonomi kerana sesetengah ahli ekonomi menganggap inflasi berkadar sederhana adalah perlu bagi memacu pertumbuhan ekonomi sebuah lokali.

Apakah yang perlu dilakukan ialah melaksanakan penggunaan sumber optimum dengan mengasingkan perkara keperluan dan kehendak. Hal ini boleh merujuk kepada prinsip 'doruriyyat' (keperluan asasi), 'hajjiyyat' (kemestian) serta 'tahsiniyah' (pelengkap).

Perbelanjaan berbentuk tahsiniyah atau semata-mata kehendak boleh dikurangkan tanpa mengabaikan keperluan dan kemesian bagi mengekalkan hidup seimbang.

Krisis ekonomi adalah satu kitaran pasti wujud bukan sahaja pada abad ini bahkan wujud pada setiap zaman, abad dan dekad sebelum ini lagi. Walau dahsyat mana pun sesuatu krisis ia pasti berakhir dan pulih seperti sedia kala.

Manusia pernah menghadapi krisis dahsyat selepas Perang Dunia Kedua, menyaksikan kehancuran negara utama seperti China, Jepun, Jerman dan beberapa negara Eropah. Namun hari ini negara terabit kembali pulih dan ada yang menjadi lebih maju berbanding sebelumnya.

Natijahnya, kita tidak perlu panik dengan ramalan mengenai inflasi. Ia bukan krisis seperti peperangan, malapetaka gempa bumi yang menghancurkan, sebaliknya krisis pembekalan dan ketidakstabilan harga boleh ditangani dengan beberapa mekanisme sedia ada dan diusahakan pelbagai pihak.

Mendepani cabaran ini, perancangan kewangan adalah perkara penting dalam semua keadaan dan suasana. Perancangan juga bukan bermaksud menyekat segala jenis perbelanjaan sehingga menuruk secara total gaya hidup.

Apakah penting, pengawalan perbelanjaan daripada tidak berapa penting kepada hal lebih penting adalah satu perubahan perlu berlaku dalam suasana begini.

Kita juga adalah unit ekonomi penting dalam ekosistem ekonomi di Malaysia. Sekiranya semua kita menyekat secara drastik corak perbelanjaan selama ini, ia mungkin sedikit sebanyak mengganggu aliran wang dalam ekonomi dan boleh menjadi faktor kepada defasi - satu krisis ekonomi lebih kompleks dan rumit.

